

16/08/1998

Singapura sering khuatir kejujuran negara jiran

Zulkofli Jamaludin

BAGI rakyat Malaysia, perpisahan Singapura pada 1965 adalah sejarah lama yang ingin dilupakan. Sebaliknya, bagi negara jiran itu, ia detik penting kerana dari tarikh itulah sejarah kemerdekaan bermula.

Barangkali kerana itu, hubungan antara kedua-dua negara yang pernah bersama dan berpisah sering tegang, kerana ada pihak melihat setiap tindakan jiran sebagai sesuatu yang boleh `mengancam'.

Tambahan pula, kemakmuran ekonomi Malaysia dengan kejayaan membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), pelabuhan, lebuh raya, sistem komunikasi dan bangunan tertinggi di dunia, dilihat boleh menggugat penguasaan ekonomi negara jiran itu.

Mungkin kerana itu juga, sentiasa wujud suasana tegang kendur dalam hubungan Malaysia-Singapura yang bermula sejak Almarhum Tunku Abdul Rahman menyingkir Singapura dari Malaysia.

Mengikut Penyelaras Unit Pengajian Strategi dan Keselamatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Zakaria Ahmad, sejak berpisah, Singapura sentiasa melihat Malaysia sebagai negara yang boleh `mengancam'.

Keadaan itu, katanya, menyebabkan republik berkenaan sering dibayangi prasangka negatif; khuatir Malaysia akan bertindak sesuatu di luar kewarasan.

"Persepsi Singapura, Malaysia sebagai sebuah negara lebih besar, kalau berfikiran tidak waras, boleh menyerang Singapura."

"Persepsi ini mungkin berkait dengan perbezaan kaum kerana Malaysia dipimpin oleh orang Melayu, sedangkan Singapura dipimpin oleh orang Cina," kata Dr Zakaria yang mendapat pendidikan di republik itu.

Malah, rakyat negara itu diajar supaya berasa diri mereka unggul dan maju, sebaliknya memandang rendah jiran.

Pandangan itu mungkin benar 20 tahun lalu, tetapi kini Malaysia mahupun negara jiran lain membangun dengan pesat, malah dalam sektor tertentu jauh meninggalkan Singapura.

Tindakan keras Singapura dalam menangani sesuatu isu juga menyebabkan hubungan dua hala dengan negara jiran lain seperti Filipina menjadi renggang. Bagi rakyat Malaysia, tidak pernah wujud perasaan takut kemungkinan negara jiran akan menyerang kerana prinsip Malaysia, bersangka baik dengan jiran.

Malah, dasar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk sama-sama memakmurkan jiran dalam pembangunan ekonomi serantau, disifatkan usaha murni Malaysia untuk memastikan kekayaan dikongsi bersama.

"Berbeza dengan Singapura, mereka melihat pertumbuhan dan pembangunan Malaysia boleh mengancam ekonomi mereka."

"Mereka khuatir dengan membeli barang dari Malaysia pada harga murah, dan menjual semula kepada negara ketiga boleh terjejas berikutan pertumbuhan pesat perdagangan kita," katanya.

Berikutan itu, tidak hairan dalam satu pameran di Singapura yang berakhir awal bulan ini, diperbesarkan isu rusuhan kaum pada sambutan Maulidur Rasul 1964, yang dikatakan didalangi oleh pemimpin Umno.

Malah, pemeran itu adalah sebahagian daripada usaha negara jiran untuk menakut-nakutkan rakyat negaranya.

Menurut Dr Zakaria, Malaysia-Singapura diibaratkan seperti kembar siam, tetapi mempunyai pendekatan berbeza dan sering bercanggah di antara satu sama lain. Berikutan itu, katanya, jika Singapura menganggap sesuatu tindakan itu rasional dan perlu dilaksanakan segera, kita pula mungkin

berkata, apakah ada udang di sebalik batu.

Dalam isu pemindahan Pusat Pemeriksaan Imigresen, Kastam dan Kuarantin (KIK) di Tanjong Pagar oleh Singapura misalnya, Malaysia melihat ia tidak lebih sifat tamak republik itu.

Persoalan sekarang mengapa jadi begitu, walhal Malaysia-Singapura boleh berunding.

"Malaysia-Singapura mungkin melihat masalah ini dari sudut berbeza," katanya.

Untuk mengatasinya, Singapura mesti menghapuskan prasangka buruk kononnya Malaysia bersikap seperti abang yang mahu adik patuh kepadanya.

Malaysia melihat isu Tanjong Pagar sebagai sifat tamak republik itu untuk mengambil semula tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Berikutan itu, sebarang usaha untuk menyelesaikan perkara yang diputuskan oleh pemerintah Inggeris menjadi besar kerana suatu ketika dulu Malaysia-Singapura adalah dalam satu unit, tetapi berpisah dan kini sampai ke peringkat bersaing kerana kedua-dua pihak cuba mengatasi di antara satu sama lain. Untuk mencari penyelesaian kita perlu mencari jalan agar kedua-dua pihak boleh mendapat keuntungan bersama. Mesti ada persepsi bahawa realiti itu mencerminkan persepsi bersama. Inilah masalahnya. Sebenarnya, kegawatan ekonomi di rantau ini menuntut semua negara berganding bahu.

Keadaan ini tidak harus diambil kesempatan untuk mengeruhkan hubungan dan menekan jiran.

Apa pun rakyat kedua-dua negara yang seolah-olah tidak menghiraukan isu berbangkit, mahu Singapura menyelesaikan masalah secara baik dan mengikut saluran yang betul.

Biarkan KIK terus beroperasi di Tanjong Pagar kerana jabatan negara ini sudah lama berkhidmat serta beroperasi di republik itu, sedangkan Malaysia tidak pernah mengganggu harta Singapura di sini.

Malaysia pula sentiasa menunjukkan sikap setiakawan bukan sahaja kepada Singapura, tetapi juga kepada negara jirannya yang lain, terutama dalam menjaga kepentingan Asean.

(END)